2. Berbicara Kisah Hidup (Talk Back Live)

Melalui khazanah Mazmur orang-orang Yahudi kita mempunyai kehidupan rohani yang kaya. Format Mazmur ialah seni yang unik, namun sungguh menarik secara peribadi dan universal. Di sini manusia berbicara hati ke hati dengan Allah. (Dalam bahagian Alkitab yang lain, Tuhanlah yang berbicara/berfirman kepada manusia). Di sini pemazmur berkongsi dengan kita apa yang mereka pelajari dalam kehidupan - pengajaran-pengajaran yang berkesan dan juga yang pedih. Mazmur melafazkan pengalaman asas dan emosi yang dilalui oleh setiap manusia.

Apabila kamu baca sesuatu mazmur dengan berfikir, kamu mendengar Tuhan berbicara. Apabila kamu membuat maklumbalas dengan setiap pemikiran dan/atau perkataan, kamu telah bermula berbicara balik kisah hidup dengan Tuhan! Dialog dengan Tuhan ini menjadi lebih jelas bila ditulis.

Cubakannya?! Baca *Mazmur 42* dibawah. Tindakbalas bicara di bawah adalah catatan seorang Kristian. Pada mulanya, dia respon dengan mudah dan secara spontan kepada teks – tidak menyentuh peribadi, boleh dikatakan cetek. Perhatikan bagaimana secara beransuran ia semakin mendalam dan peribadi. Ini menunjukkan bertambahnya kesedaran kehadiran Tuhan. *Sekarang kamu pula berbicara langsung bahagian mazmur yang seterusnya.*

Mazmur 42

1 Untuk pemimpin biduan.
Nyanyian pengajaran bani Korah.

2 Seperti rusa yang merindukan sungai yang berair,

Tiada rusa di Hawaii, namun gambaran yang baik!

demikianlah jiwaku merindukan Engkau, ya Allah.

3 Jiwaku haus kepada Allah, kepada Allah yang hidup,

Saya mengaku tidak memahami keinginan yang sebegini untuk Tuhan.

Bilakah aku boleh datang melihat Allah?

Diperbesarkan?

Di mana? Tidakkah Tuhan berada di merata tempat?

4 Air mataku menjadi makananku siang dan malam,

Barulah saya faham. Buat masa kini, musuhnya lebih menonjol daripada Tuhan.

karena sepanjang hari orang berkata kepadaku:

"Di mana Allahmu?"

Saya biasa dengar soalan ini daripada mereka yang tiada belas kasihan. Tuhan, tunjuklah Diri Mu kepada mereka. Mungkin mereka sedang mencari.

5 Inilah yang hendak kuingat,

Peringatan yang baik boleh membantu, tetapi saya tidak mahu selalu teringat hal yang dulu.

sementara jiwaku gundah gulana;

Hatinya betul-betul pedih.

bagaimana aku berjalan maju dalam kepadatan manusia,

mendahului mereka melangkah ke rumah Allah

Aha! Mungkin dia seorang paderi. Rumah Allah di Yerusalem?

Tuhan, saya tidak mahu menjadi seorang paderi, tetapi saya mahu membawa yang lain kepada Mu.

dengan suara sorak-sorai dan nyanyian syukur

dalam keramaian orang-orang yang mengadakan perayaan

Perayaan biasanya bising. Adakah Perjamuan Perkahwinan Anak Domba juga begitu?

6 Mengapa engkau tertekan, hai jiwaku,

dan gelisah di dalam diriku?

Begitu besar bezanya! Kenapa? Yalah, inikan keadaan manusia - banyak yang baik and yang buruk.

Idea yang baik - saya patut belajar berbicara dengan diri saya dan mendengar apakah yang diluahkan.

Berharaplah kepada Allah!

Sebab aku akan bersyukur lagi kepadaNya,

Ya. Saya akan bersyukur dan memuji Tuhan bila berasa lemah semangat!

Yang penting = mengaku bahawa Allah Tuhanku dan saya kepunyaan Nya.

penolongku dan Allahku!

7 Jiwaku tertekan dalam diriku,

sebab itu aku teringat kepadaMu

dari tanah sungai Yordan dan pergunungan Hermon,

dari gunung Mizar.

8 Samudera raya berpanggil-panggilan dengan deru air terjunMu;

segala gelora dan gelombangMu bergulung melingkupi aku.

9 Tuhan memerintahkan kasih setiaNya pada siang hari,

dan pada malam hari aku menyanyikan nyanyian,

suatu doa kepada Allah kehidupanku.

10 Aku berkata kepada Allah, gunung batuku:

"Mengapa Engkau melupakan aku?

Mengapa aku harus hidup berkabung

di bawah impitan musuh?"

11 Seperti tikaman maut ke dalam tulangku lawanku mencela aku,

sambil berkata kepadaku sepanjang hari: "Di mana Allahmu?"

12 Mengapa engkau tertekan, hai jiwaku,

dan mengapa engkau gelisah di dalam diriku?

Berharaplah kepada Allah!

Sebab aku bersyukur lagi kepadaNya,

penolongku dan Allahku!

3. Membandingkan Versi (Penterjemahan) Alkitab yang Berlainan

Kita sememangnya dicabar dengan adanya beberapa versi (penterjemahan) Alkitab. Ianya terdiri daripada *yang diterjemah secara langsung* iaitu 'strict literal translations' (bagus kalau ingin mempelajari setiap perkataan - contohnya, *NASB)*; kepada *terjemahan mengikut maksud* iaitu 'dynamic equivalence' (perkataan demi perkataan kalau boleh, dan pemikiran demi pemikiran kalau perlu - contohnya, *NIV)*; ke *menghuraikata* iaitu 'paraphrase' (boleh menolong mereka yang baru memahami Alkitab - contohnya, *The Message)*

Cubakannya?! Bandingkan versi *1 Korintus 5:1. Apakah yang baru atau segar untuk kamu? Apa yang menjadi lebih jelas? Apa yang ditunjukkan oleh Allah kepada kamu?*

_____

_____

_____

'NASB' Memang dilaporkan bahawa ada percabulan di antara kamu, percabulan yang begitu rupa, seperti yang tidak terdapat sekalipun di antara bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah, yaitu bahwa ada orang yang hidup dengan isteri ayahnya.

'NIV' Sebenarnya aku menerima laporan bahawa ada percabulan perzinaan yang berlaku di kalangan kamu. Orang yang tidak mengenal Tuhan pun tidak melakukannya. Lelaki berzina dengan isteri bapanya!

'TEV' Sekarang, sebenarnya telah dikatakan, ada percabulan perzinaan antara kamu yang keterlaluan sehingga orang kafir akan merasa bersalah mengenainya, bahawa saya diberitahu ada orang berzina dengan ibu tirinya.

'NLT' Saya susah untuk percaya tentang laporan perzinaan yang terjadi di antara kamu, sesuatu yang sangat jahat sehingga orang kafir tidak akan buat. Saya diberitahu ada lelaki dalam gereja kamu yang hidup dalam dosa dengan isteri bapanya.

'The Message' Saya juga terima laporan perzinaan yang keji di dalam keluarga di gereja kamu, sesuatu yang tidak boleh diterima walaupun di luar gereja. Salah seorang lelaki tidur dengan ibu tirinya.

ABI Memang orang mendengar, bahawa ada percabulan di antara kamu, dan percabulan yang begitu rupa, seperti yang tidak terdapat sekalipun di antara bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah, yaitu bahwa ada orang yang hidup dengan isteri ayahnya.

ABB Sebenarnya aku menerima laporan bahawa perbuatan cabul yang keterlaluan berlaku di kalangan kamu. Orang yang tidak mengenal Tuhan pun tidak melakukannya. Aku diberitahu bahawa seorang lelaki berzina dengan ibu tirinya!

Nota NASB: *New American Standard Bible;* NIV: *New International Version;* TEV: *Today's English Version;* NLT: *New Living Translation;* The Message *oleh E.Petersen;* ABI: *Alkitab Bahasa Indonesia;* ABB: *Alkitab Berita Baik.*

4. Kepala – Hati – Tangan

Kaedah ini sungguh mencabar dan amat berhasil jika sesuatu kumpulan itu bermotivasi tinggi, serta pemimpinnya membuat persediaan yang lengkap. Ia membawa pengajian peribadi yang lebih mendalam. Jaga masa untuk setiap bahagian. (Disesuaikan daripada *Method of Bible Study, Church of Scotland).*

Cubakannya?! Baca *Bilangan 13:26-33* Konteks: Musa merupakan pemimpin pembebasan Allah. Beliau telah membawa umatnya keluar daripada pengabdian di Mesir, dan melalui pemberontakan dan pengembaraan mereka di padang gurun selama 40 tahun. Kini mereka berada di pinggir tanah yang dijanjikan Allah, dan dia telah menghantar 12 orang pengintip untuk menyiasat tanah serta penduduknya.

1. Di sesi KEPALA, ketua kumpulan menolong kumpulannya memasuki bacaan dengan pengenalan *ringkas.* Ia mungkin konteks yang dipaparkan, seperti dalam perenggan di atas. (Jika kamu sedang membuat pengenalan untuk surat pendek seperti *Filemon*, beberapa ayat mengenai penulis, pembacanya dan tujuan penulisan surat boleh membantu.)* Kemudian dia membimbing kumpulan dalam pemerhatian kenyataan dalam teks sebagai permulaan – contoh: *Apakah perbezaan antara laporan kumpulan majoriti dan kumpulan minoriti?* (15 minit)

2. Bagi sesi HATI, bahagikan lagi kumpulan anda. Lantikkan ketua, yang kemudiannya memilih seorang yang melapor. Bacakan teks dengan senyap sambil mencungkil maksud utama dalam bacaan oleh penulisnya. (10 minit) Kemudian kongsikan daripada hati. *Pastikan tiada sesiapa yang mengulangi teks, hanya daripada hatinya.* Ketua membantu dan membimbing ahli-ahli untuk menggabungkan perkongsian. Yang melapor sediakan ringkasan.(15 minit)



3. Semua berkumpul semula untuk sesi TANGAN untuk beraksi. Yang melapor masing-masing buat laporan ringkasan selama 2 minit. Ketua mendengar dan memilih maksud aplikasi untuk perbincangan kumpulan. *Merujuk kepada teks yang dikaji, apakah harusnya dilakukan oleh tangan kita?* (15 minit).



*Kamu boleh memperolehi fakta-fakta pengenalan daripada Study Bible, bible Handbook, Dictionary atau Commentary – contoh, NIV Study Bible, Life Application Bible (NIV, NKJ, NLT, NRSV), Serendipity Bible (Revised & expanded); Eerdman/Lion's Bible Handbook, Halleys Bible Handbook.

5. Jujur dengan Tuhan

Seorang kawan merungut yang buku Yakobus membuat dia gelisah. "Bukannya susah difahami, tetapi terlalu mudah. Tidak susah memahami maksudnya tetapi susah untuk mematuhi". Adakah kamu juga?

Kebanyakan bab-bab terakhir surat-surat Perjanjian Baru dan buku Amsal adalah seperti Yakobus – penuh dengan arahan yang jelas. Berikut ialah satu cara yang boleh membantu kita supaya jujur dalam mendengar dan mematuhi Tuhan. Kaedah ini juga boleh menggalakkan penglibatan orang baru.

Setiap ahli mempunyai satu keping bacaan dengan ruang untuk menulis. Ketua memberi pengenalan ringkas dan membaca dengan kuat. Kemudian masing-masing membaca bersendirian. 1) Pangkah idea-idea yang kamu tidak setuju atau tidak patuh. 2) Kurungkan bahagian-bahagian yang kamu meragui dan tandakan tanda soal. 3) Gariskan yang kamu laksanakan. 4) Conteng garisan lengkok pada yang susah dipatuhi. 5) Catatkan komen kamu. 6) Selepas 15 minit, suruh mereka yang sudi kongsikan respon mereka dalam kumpulan.

Cubakannya?! Perhatikan contoh seorang Kristian baru dengan *Roma 12:9-11.* Kemudian sambung dengan ayat 12-16. (10 minit). Ahli-ahli kumpulan kemudian kongsi dan saling tolong-menolong.

[9]Hendaklah kasih itu jangan pura-pura! Jauhilah yang jahat dan lakukanlah yang baik. [10]Hendaklah kamu saling mengasihi sebagai saudara dan ~~saling mendahului dalam memberi hormat.~~ [11]Janganlah hendaknya kerajinanmu kendor, biarlah rohmu menyala-nyala dan layanilah Tuhan.

?

Saya tidak berseluju dengan kawan-kawan tentang apa yang baik dan jahat.

[12]Bersukacitalah dalam pengharapan, sabarlah dalam kesesakan, dan bertekunlah dalam doa! [13]Bantulah dalam kekurangan orang-orang kudus dan usahakanlah dirimu untuk selalu memberikan tumpangan!

[14]Berkatilah siapa yang menganiaya kamu, berkatilah dan jangan mengutuk! [15]Bersukacitalah dengan orang yang bersukacita, dan menangislah dengan orang yang menangis! [16]Hendaklah kamu sehati sepikir dalam hidupmu bersama; janganlah kamu memikirkan perkara-perkara yang tinggi, tetapi arahkanlah dirimu kepada perkara-perkara yang sederhana. Janganlah menganggap dirimu pandai!

6. Pilih Muka Anda

Kalau kita benar-benar mengkaji Alkitab dengan teliti, ia akan menimbulkan pelbagai perasaan terhadap kebenaran yang dihadapi dalam teks, walaupun mungkin perasaan tidak acuh atau bosan. Jika kita berinteraksi dengan firman Tuhan kita boleh atau harus mempunyai perasaan kagum, yakin, marah, mengharapkan, takut, dicabar, tidak faham dan sebagainya. "Pilih Muka Anda" membantu kita memahami diri kita dengan memeriksa perasaan/tindakbalas emosi kita kepada firman Tuhan--dan apa yang perlu dilakukan.

Cubakannya?! Mari kita gunakan petikan *1 Petrus 2:18-25*. Petrus sedang menulis kepada orang Kristian yang baru yang tinggal di kawasan yang bermusuhan dengan mereka di mana kerajaan dan orang kafir menganiayai mereka. Mulanya, baca teks ini dengan teliti untuk mendapat maksudnya. *(Gantikan perkataan 'hamba' dengan 'pekerja'). Kemudian baca semula dan periksa perasaan atau respon anda pada apa yang dibaca.

Mimik muka yang manakah menunjukkan respon anda pada setiap 'kebenaran'? Kenapa? Dibawah muka/reaksi emosi itu, sila tulis ayat yang dirujuk dan komen peribadi anda.

1. Ho-hum...
   balik-balik, sama saja!

2. Ini menyebabkan saya sedih.

3. Wow! Ini hebat!

4. Perlu fikirkan dengan
   lebih mendalam.

5. Hmm...
   saya tidak berapa pasti...

6. Menarik juga, ya!

7. Membuat saya rasa bersalah.

8. Sungguh membingungkan..

9. Ini menakutkan saya.

10. Saya lebih baik dari itu.

*Sewaktu pemerintahan Rom, hamba abdi (dan isteri – 3:1-7) mempunyai kedudukan yang susah, terutamanya jika mereka orang Kristian. Hamba biasanya tidak dilayan dengan adil dan ramai isteri yang mempunyai suami yang kejam dan tidak percaya kepada Kristus. Petrus mengajar mereka cara perlakuan Kristian dan mendorong mereka supaya mencontohi Yesus yang melalui penderitaan dan ketidakadilan supaya kita diselamatkan.

7. Berita Benar. Hangat dan Pantas.

Kamu seorang wartawan dari *Jerusalem Times*, yang bermoto, *"Berita benar. Hangat dan pantas"*. Di Sekolah Kewartawanan Ezra, kamu telah diajar cara untuk mendapatkan maklumat cepat dan tepat. Editor kamu menghantar kamu ke utara, iaitu ke bandar Kapernaum untuk menyiasat seorang pengkhutbah yang dikhabarkan menjadi semakin popular.

Cubakannya?! Ketua kumpulan akan memberi ulasan pendek bagi *Markus 1:21-28.** Semua orang mengkaji bacaan itu secara bersendirian, untuk bersedia memberi jawapan fakta kepada wartawan (10 minit).

Seorang wartawan mestilah tahu menanya soalan yang baik – *Siapa? Di mana? Bila? Apa? Bagaimana? Kenapa? Dengan itu?* Dia menulis jawapan dengan cepat dalam buku atau rekod dengan pita rakaman. Di bawah adalah cadangan soalan untuk *Markus 1:21-28* tetapi dia harus tambahkan soalan susulan secara spontan contohnya seperti di dalam kurungan.

1. Apakah yang berlaku dalam rumah ibadat? (Adakah perkara seperti ini pernah berlaku?)
2. Yesus dari Nazaret? Siapakah dia? Apakah yang dia buat yang menyebabkan keadaan yang sebegini? (Berapa umurnya? Siapakah bapanya? Apakah pekerjaannya?)
3. Kamu katakan dia berbeza dari guru-guru Taurat yang lain? Apakah perbezaannya? (Apa lagi?)
4. Apakah cara yang digunakannya untuk menghalau roh jahat dari lelaki itu? Adakah ini berbeza dari guru-guru yang lain?
5. Di manakah pemimpin rumah ibadat semasa perkara ini berlaku?
6. Adakah guru baru ini akan balik ke kampungnya atau terus tinggal di Kapernaum? (Adakah dia sudah mula memanggil pengikut untuk mengikutinya?)
7. Jika Yesus ini sedang mula mencabar guru Alkitab kamu, apakah impak seterusnya yang akan berlaku pada komuniti di sini?
8. Jadi, dia boleh mengusir roh jahat dari orang. Apakah perbezaan yang mampu dia lakukan pada hidup mereka untuk jangka masa panjang?

Kamu boleh lihat bahawa kaedah ini menggalakkan kumpulan yang mengaji untuk membayangkan (imaginasi) peristiwa tersebut. Pengalaman pembelajaran ini boleh diasah bila 1) wartawan itu menunjukkan perasaan ingin tahunya dan merangsangkannya apabila orang ramai bercakap, dan bila 2) semua orang bercakap atau saling membetulkan fakta di mana wartawan itu perlu meminta mereka perlahankan percakapan mereka dan memastikan mereka menjawab secara objektif. Biarkan ia berlaku secara spontan, tetapi mestilah mengikut fakta.

---

*Contoh, kejadian ini berlaku pada awal pelayanan umum Yesus. Dia baru memanggil 4 pengikutnya yang pertama (1:16-20) dan ini merupakan tindakan pertama yang mereka perhatikan mengenai tuan baru mereka. Markus telah mula 1) menunjukkan betapa uniknya kewibawaan Yesus dan 2) menyediakan pembacanya untuk penentangan hebat yang akan bertambah dari pihak berkuasa (ay. 22) dan Setan (ay. 23-24).

8. 'Lakunan Bisu' dan Cerita Dia (Mimes and His Story)

Bagaimanakah kita boleh menjadikan sejarah Alkitab hidup dan relevan? Dengan mempunyai keyakinan bahawa sejarah alkitab ialah *Cerita Dia*. Dengan cara ini, kita boleh lihat dari mana umat manusia berasal, bagaimana keadaannya dan arah tujuannya.

'Lakunan bisu' (mimes) adalah drama tanpa menggunakan perkataan, yang boleh menjadi Cerita Dia benar dan relevan. Dalam contoh kita, seorang pencerita akan membaca cerita dengan penuh semangat dan perasaan manakala orang lain akan berlakun menggunakan mimik muka dan gerakan badan mereka. Pencerita dan pelakun akan berlatih untuk kordinasi dulu.

Cubakannya?! Dalam *Kisah Para Rasul 12:1-17* hanya seorang pelakun diperlukan. Konteks: Gereja sekarang sudah lebih kurang 15 tahun. Ia berkembang dengan cepat dan kuat lalu menyebabkan orang Yahudi dan Roma tidak suka. Kedua-dua kumpulan menambahkan penyeksaan terhadap orang Kristian terutama pada ketua mereka.

'Lakunan bisu' (mime) ini diadakan dengan pencerita dan pelakun. Kemudian perbincangan bagi merenungkan teks (reflective) akan diadakan.

1. Raja ini merupakan yang ketiga dari empat Herodes yang cuba berturut-turut (tetapi tidak berjaya) untuk menghapuskan agama Kristian. Datuknya Herodes Yang Hebat cuba membunuh bayi Yesus. Pakciknya memancung kepala Yohanes Pembaptis. 15 tahun kemudian selepas kejadian dalam Kisah Para Rasul 12, anaknya merupakan pengadil kepada perbicaraan Rasul Paulus. (Tuliskan carta ini di atas papan tulis).



Bagaimanakah orang berkuasa pada hari ini cuba menyingkirkan agama Kristian? Mengapakah mereka berbuat demikian?

2. Telitikan bagaimana Tuhan mengenapi rencana ilahinya melalui pelbagai cara dan orang – Petrus, gereja, malaikat dan hamba perempuan yang mempunyai peranan yang agak kelakar (ay. 13-15). *Peranan siapakah yang anda lebih kagumi? Kenapa?*

3. Fikirkan tentang 19 orang pengganas di Amerika Syarikat pada September 11. *Bagaimanakah komitmen anda terhadap Yesus Kristus dan gerejaNya berbanding komitment mereka terhadap Osama bin Laden dan kepercayaan Muslim?*

9. ....Dan Senarai Nenek Moyang Yang Membosankan?

Di bawah adalah cara yang anda boleh menjadikan senarai nenek moyang (genealogi) Yesus lebih seronok untuk kanak-kanak – dan dewasa.

Cubakannya?! Sementara seorang membaca *Matius 1:1-16*, seorang lagi mengambil kad untuk dilihat oleh ahli kumpulan lain yang akan bertindak mengikut apa yang ditulis pada kad - - "Tepukan", "Boo", "Sorakan", "Hiss", "Mengeluh" dan "Huh?" ("Huh?" digunakan selepas nama mereka yang tidak dikenali oleh pakar Alkitab atau tidak melakukan apa-apa atau tidak melakukan sesuatu yang penting.) Latih menggunakan kad dengan ahli kumpulan. Ini menyediakan semangat mereka. Mereka harus mendengar pembaca dan bukan membaca teks itu sendiri.

Matius Satu "Satu rekod senarai nenek moyang Yesus Kristus (*tepukan, sorakan*), keturunan Daud (*tepukan, sorakan*), keturunan Abraham (*sorakan*): Abraham merupakan bapa Ishak (*tepukan*), bapa Yakub yang telah mencuri hak kelahiran abangnya (*boo*), dan Yakub adalah bapa kepada Yehuda dan adik-beradiknya yang menjual Yusuf menjadi hamba (*hiss*). Dan Yehuda merupakan bapa kepada Peres dan Zerah (*huh?*) oleh Tamar (*huh?*), dan Peres merupakan ayah kepada Hezron, dn Hezron bapa kepada Ram, dan Ram bapa kepada Aminadab (*huh?*), dan Aminadab bapa kepada Nahason bapa kepada Salmon yang merupakan bapa Boas dari Rahab seorang pelacur (*boo*) dan Boas ialah bapa kepada Obed dari Rut (*tepukan dan sorakan*); dan Obed bapa kepada Isai iaitu bapa kepada Raja Daud (*sorakan*). Dan Daud merupakan bapa Salomo dari isteri Uria yang dibunuh olehnya (*hiss*); dan Salomo merupakan bapa Rehabeam, yang merupakan raja yang baik tetapi mengabaikan Tuhan selama beberapa tahun (*boo*), dan Rehabeam adalah bapa Abia yang mempunyai 14 orang isteri (*sorakan dan boo*) dan Abia ialah bapa kepada Asa seorang raja yang baik tetapi tidak mengikut jalan Tuhan pada akhir hayat hidupnya dan telah mati dengan gangrene pada kakinya (*mengeluh*), dan Asa adalah bapa Yosafat seorang raja yang bijak dalam pentadbirannya kebanyakkan masa (*tepukan*). Yosafat ialah bapa Yoram iaitu bapa Uzia yang runtuh kerana angkuh (*boo*); tetapi Uzia ialah bapa Yotam, raja yang baik dalam segala aspek (*sorakan*), yang merupakan bapa Ahas seorang raja yang teruk dalam segala aspek (*hiss*). Dan Ahas bapa Hizkia yang mensucikan rumah ibadat dan seluruh Negara (*sorakan dan tepukan*).Hizkia merupakan bapa Manasye yang menjadi raja selama 55 tahun (*tepukan*), tetapi seorang yang jahat sepanjang masa itu (*boo*). Dia merupakan bapa Yosia yang melakukan segala yang betul dalam mata Tuhan (*sorakan*); dan Yosia adalah bapa Yekhonya dan adik-beradiknya semasa mereka dibawa ke Babilonia (*huh?*). Dan selepas dibawa ke Babilonia, Yekhonya yang merupakan bapa Sealtiel yang merupakan bapa Zerubabel, seorang pemerintah yang dipilih oleh Tuhan (*tepukan*). Dan Zerubabel ialah bapa Abihud (*huh?*) dan Abihud bapa Elyakim (*huh?*) iaitu bapa Azur (*huh?*), iaitu bapa Zadok (*huh?*) iaitu bapa Akhim (*huh?*), iaitu bapa Eliud (*huh?*) bapa pada Eleazar, bapa pada Matan (*huh?*), bapa pada Yakub (*huh?*), bapa pada Yusuf (*tepukan*) yang merupakan suami Maria (*sorakan*), yang melahirkan Yesus, yang disebut Kristus (*tepukan dan sorakan*)."

Perbincangan *Antara nenek moyang Yesus, apakah jenis orang yang anda kenalpasti?* Ya, pelacur, pembunuh dan mereka yang amalkan poligami berada dalam salasilah keluarga (family tree) Yesus. *Bagaimanakah perasaan anda mengenai hal ini?* Ya, walaupun Yesus mempunyai latar belakang sebegini tetapi Yesus telah menjadi hebat juga. Ini memberikan harapan kepada kita. *Bagaimanakah ini dapat membantu kita memikir dengan betul apabila kita digoda untuk menyalahkan ibu bapa kita menjadikan kita demikian?* Kita semua bertanggungjawab kepada Tuhan untuk diri kita sekarang. (Dari Teaching the Bible Creatively oleh Bill McNabb & Steven Mabry (Zondervan & Youth Specialties) muka surat 43-44).

4 Idea-idea untuk Lebih Penglibatan

A. 'Icebreaker': Aktiviti-aktiviti untuk membangunkan Komuniti (mengeratkan perhubungan).

Jika kumpulan baru sahaja ditubuhkan, mungkin perlu dengan sengaja menggalakkan pergaulan antara ahli. Salah satu cara di bawah mungkin boleh membantu.

1. Bahagian kereta manakah yang boleh menerangkan diri anda, dan kenapa?
2. Siapakah guru yang anda paling gemar semasa sekolah rendah dan kenapa?
3. Antara 69 perisa ais-krim Baskin & Robbins, manakah yang paling tepat menggambarkan anda?
4. Apakah jenis buah-buahan yang paling tepat menggambarkan siapakah anda?
5. Jika anda boleh menambah mana-mana bahagian kepada badan anda, bahagian mana yang anda pilih dan kenapa?
6. Sewaktu umur 9 tahun, anda paling suka bahagian mana dalam rumah dan kenapa?
7. Jenis bola yang manakah paling tepat menggambarkan anda dan kenapa?
8. Apakah jenis alat muzik yang paling tepat menggambarkan cara anda berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain? Jelaskan.
9. Apakah tempat melancong yang paling tepat menjelaskan cara anda berehat dan kenapa?
10. Warna apakah yang dapat menggambarkan anda pada waktu membangun? Kenapa?
11. Apakah makanan kegemaran anda dan apakah makanan yang paling anda tidak gemar?
12. Apakah perkara yang paling senang menyebabkan anda malu dan bagaimanakah anda mengelakkan situasi tersebut?
13. Apakah perkara yang paling mengganggu anda dan bagaimanakah anda menghadapinya?
14. Apakah jenis tanda jalan raya yang paling tepat menggambarkan ketampilan luaran anda dan kenapa?
15. Pada usia 13 tahun, apakah yang anda ingin lakukan atau jadi bila membesar?
16. Jika ada orang menulis biografi anda, apakah tajuk yang akan digunakan? (Jangan gunakan nama anda sebagai tajuk.)
17. Jika anda boleh jadi seorang pelukis yang hebat, apakah gambar yang akan anda lukis dan kenapa?
18. Apakah perkara paling hebat yang pernah ibu bapa anda lakukan untuk anda?
19. Jika anda boleh meminta sesuatu bakat yang istimewa, apakah pilihan anda? Bagaimanakah anda akan gunakannya?
20. Apakah cita-cita anda yang paling awal?

B. Mengacau Periuk Pengajian

Orang perlu pelbagai cara yang tetap untuk mengkaji teks dan untuk tumpukan fikiran pada idea yang lebih penting. Di bawah ada beberapa cadangan untuk merangsangkan fikiran ahli-ahli.

1. Fikirkan Secara Rambang (brainstorm) Cepat, mana-mana cadangan diterima untuk menggalakkan lebih jawapan pada suatu persoalan. Tidak boleh mengutuk atau memberi komen pada mana-mana cadangan. Jika ia suatu soalan yang penting, catatkan jawapan orang lain pada papan tulis. Ini biasanya dapat menggalakkan lebih idea.



Cubakannya?! Baca *Markus 1:14-20. Jika anda adalah Yesus dan tengah memilih pengikut-pengikut, apakah sifat-sifat yang anda carikan?*

2. Respon dalam bulatan Setiap orang mengambil giliran memberi pandangan mereka pada suatu soalan yang merangsangkan. Mereka dibenarkan untuk tidak menjawab supaya tidak rasa tertekan. Tiada orang boleh tambahkan komen sehingga setiap orang telah berpeluang menjawab. Pemimpin, memilih cadangan, kemudian mulakan perbincangan.

Cubakannya?! Baca *Markus 1:21-28.* Orang ramai dapat mengesan dengan cepat kewibawaan Yesus. *Dengan cara apakah anda boleh mengetahui sama ada seseorang guru Alkitab atau pengkhutbah bercakap dengan kuasa dan berwibawa?*

3. Jiran saling memberi idea 2 jiran (duduk bersebelahan) menukar pendapat untuk suatu soalan untuk beberapa minit. Semua ahli terlibat tetapi tidak perlu bergerak. Kemudian ketua kumpulan akan meminta laporan dari setiap pasangan untuk dirumuskan dan sambung perbincangan.



Cubakannya?! Baca *Markus 1:23-26. Pada pendapat anda, kenapakah Yesus membantah roh jahat dari mengumumkan siapakah Yesus sebenarnya?*

4. "Jigsaw puzzle" Cara ini berguna dalam kumpulan besar. Setiap kumpulan kecil membincangkan salah satu bahagian dari perbincangan utama selama 10-15 minit. Setiap kumpulan kecil melaporkan idea utama mereka ketika berkumpul semula dalam kumpulan besar. Kemudian ketua akan menggabungkan kesemua idea dan bergerak kepada perbincangan aplikasi praktikal.



Cubakannya?! Baca *Markus 1:29-31, 32-34, 40-45.* Penulis di sini telah mencatat 3 kejadian penyembuhan dalam bahagian awal pelayanan Yesus. Setiap satu dari 3 kumpulan kecil mengambil satu kejadian dan berbincang: *Apakah yang aneh tentang Yesus dalam kejadian penyembuhan ini?*

C. Membaca Alkitab dengan Perasaan!

Sesetengah orang membaca Alkitab di tempat awam seperti menyebut *Kod Cukai Persekutuan Amerika Syarikat.* Alkitab penuh drama dan sandiwara, jauh lebih menyentuh hati dari mana-mana filem Spielberg.

Melatih membaca alkitab dengan bersuara.

Masuk ke dalam bacaan dengan membayangkan persekitaran seperti yang dicadangkan pada muka surat 3 & 4. Merasailah bersama watak-watak. Anda harus cuba memahami dan mendalami dengan perasaan sebanyak mungkin. Pelbagaikan nada, kekuatan dan kecepatan membaca. Melatih dengan membaca kuat-kuat beberapa kali. Kalau boleh, rekodkan pembacaan anda supaya dapat dengar semula pembacaan diri dan diperbaiki.

Gunakan pelbagai cara untuk membaca dalam kumpulan.

1. **Semua orang bergilir membaca satu ayat** adalah cara biasa. Ia bukan cara terbaik kerana memotong makna dan kadangkala oleh kerana seseorang itu gugup menunggu gilirannya, mereka biasanya tidak dengar yang lain. Tetapi dalam kumpulan baru, ia membolehkan mereka yang pendiam mengambil bahagian.

2. **2 atau 3 orang dipilih untuk membaca** terutamanya jika bacaan itu panjang. Tanya persetujuan mereka sebelum mula. Bahagikan bacaan mengikut unit fikiran (perenggan).

3. **Seorang pembaca yang berpengalaman membaca seluruh petikan.** Kelebihan cara ini ialah senang untuk mengikuti seluruh bacaan dengan lancar. Seorang boleh tukar-tukar suara dan nadanya untuk bahagian-bahagian berlainan. (sila lihat perenggan 2 di atas mengenai melatih membaca Alkitab dengan bersuara.)

4. **Beberapa orang mengambil bahagian dalam cerita dengan dialog bersandiwara.** Riwayat Alkitab adalah penuh dengan dialog bersandiwara contohnya *Kejadian 3:1-19, Keluaran 3:1-4:17, Yohanes 3:1-16, Yohanes 4:4-26.*

Cubakannya?! *Lukas 7:36-50* menerangkan sesuatu kejadian sosial yang memeranjatkan di mana nilai keagamaan dan nilai manusia Yesus bercanggah dengan nilai-nilai tuan rumah. Selama kejadian itu berlaku, Yesus sedang menonjolkan kepercayaan 2 orang individu yang sangat berbeza.

Sebelum kumpulan mengkaji Alkitab, mintalah 3 orang membuat latihan membaca. Mereka dibahagikan kepada 1) pencerita (tidak membaca "dia berkata", "Yesus menjawab" dan sebagainya); 2) Yesus; 3) Simon, seorang Farisi. Arahkan ahli kumpulan lain untuk membaca bahagian tetamu (ay. 49).

5. **Baca dengan senyap** selepas ketua kumpulan telah memperkenalkan bacaan untuk dikaji dan kepentingannya. Ketua kumpulan akan mencadangkan suatu idea untuk difikirkan semasa membaca. Sebagai contoh *1 Korintus 5:1-13 (Sila lihat muka surat 18 "membandingkan antara versi Alkitab").*

"Ini adalah salah 1 antara 10 masalah-masalah gereja di Korintus yang ditangani oleh Paulus dalam suratnya. Ia merupakan dosa yang angkuh yang dilakukan oleh seorang ahli gereja dengan meniduri isteri bapanya (sama ada gundik atau ibu tirinya). Semasa anda mengikuti nasihat Paulus mengenai cara menangani pesalah seperti ini, ingatkan soalan ini: *Adakah nasihatnya sah atau terlalu kejam? Bersedia untuk menerangkannya."*

6. **Penyanyian 'antiphonal'** Jika anda sedang mengkaji sebuah Mazmur, nyanyikan seperti yang dinyanyikan oleh umat Tuhan dalam penyembahan mereka. Seorang ketua koir(imam) memperkenalkan tema Mazmur dengan menyanyikan ayat pertama. Kemudian koir A menyanyikan ayat pertama untuk setiap dua ayat(couplet) dan koir B menyanyi ayat kedua (biasanya diengsot 'indent' untuk terjemahan moden dan dibawah ini dalam tulisan 'italics')

Cubakannya dengan Mazmur 8. Ia merupakan cerita penciptaan dunia dalam Kejadian 1 yang digubal secara berpuisi dan bermuzik (walaupun kita tidak ketahui irama asal). Bahagi kepada 2 koir, A nyanyi garis pertama, dan B garis kedua. Jika ada ayat ketiga, semua orang akan nyanyikan).

Mazmur 8
Untuk pemimpin biduan.
Menurut lagu: Gitit, Mazmur Daud.

2 Ya Tuhan, Tuhan kami,
betapa mulianya namaMu di seluruh bumi!
KeagunganMu yang mengatasi langit dinyanyikan.

3 Dari mulut bayi-bayi dan anak-anak yang menyusu
telah Kauletakkan dasar kekuatan karena lawanMu,
untuk membungkamkan musuh dan pendendam.

4 Jika aku melihat langitMu,
buatan jariMu,
bulan dan bintang-bintang yang Kautempatkan:
5 Apakah manusia, sehingga Engkau mengingatnya?
Apakah anak manusia, sehingga Engkau mengindahkannya?
6 Namun Engkau telah membuatnya hampir sama seperti Allah,
dan telah memahkotainya dengan kemuliaan dan hormat.
7 Engkau membuat dia berkuasa atas buatan tanganMu;
segala-galanya telah Kauletakkan di bawah kakinya:
8 kambing domba dan lembu sapi sekalian,
juga binatang-binatang di padang;
9 burung-burung di udara dan ikan-ikan di laut,
dan apa yang melintasi arus lautan.

10 Ya Tuhan, Tuhan kami,
betapa mulianya namaMu di seluruh bumi!

Gunakan bahagian ini untuk renungan yang membimbing anda untuk berdoa dan memuji.

1. Daud membesar sebagai seorang gembala yang menjaga domba ayahnya. Bayangkan dia berehat pada rumput di tepi bukit pada malam yang terang, memikir dan melihat langit. Dia berasa kagum dengan dunia Tuhan yang ajaib (ay. 3). *Tetapi apakah yang lebih mengkagumkannya (ay. 4-8)?*

   Apakah yang anda rasa paling kagum sebagai seorang manusia?

2. Tidak hairanlah Daud mula dan mengakhiri Mazmur dengan letusan pujian pada Tuhan (ay. 1-2,9). *Sebagai seorang pilihan Tuhan untuk menjadi gembala umat Israel, apa yang dia belajar mengenai memuji Allah (ay. 2)?*

   Sejak anda mengenali Tuhan sebagai Raja, bagaimanakah pemujian anda pada Tuhan berkembang?

3. Sesetengah orang tidak tahu bagaimana memuji Tuhan, selain menyanyi lagu-lagu pujian dengan orang lain atau dengan mengulang ayat-ayat tertentu. *Apakah yang boleh membantu orang memuji Tuhan dengan lebih semangat dan secara spontan?*

4. **Akhiri sesi anda dengan pujian dan doa.** Semua orang buka Alkitab pada Mazmur yang telah dikaji. Baca ayat demi ayat dan beri masa pada mereka untuk respon melalui pujian atau doa terhadap ayat itu. Semua bebas untuk respon pada ayat itu. Ia boleh berbentuk pujian, pengakuan, permintaan, bersyafaat atau penyerahan semula.

   Galakkan refleksi (renungan) ketika masa senyap di mana tiada orang berdoa dengan bersuara.. Haruslah sensitif untuk mengetahui bila masanya bergerak pada ayat seterusnya dan bila untuk mengakhiri sesi itu.